



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## " HINDARI PEMBAZIRAN "

2 April 2021 / 19 Syaaban 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الْمُبْذِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

(Surah Al-Isra' ayat 27)<sup>2</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama tingkatan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah Nya, dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "Hindari Pembaziran".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kalimah "Ikhwān Syayathin" (saudara syaitan), yang terkandung dalam Al-Quran menyentuh soal pembaziran. Surah Al-Isra' ayat 27 yang dibacakan tadi bermaksud:

**Sesungguhnya orang-orang yang boros itu ialah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.**

Ayat ini, memberi peringatan mengenai perbuatan membazir, teguran dan peringatan yang melarang amalan membazir. Allah SWT menegaskan pembaziran dikaitkan dengan tabiat syaitan yang dilaknati kerana bersifat bongkak dan angkuh, menjadi makhluk yang kufur dan sesat kerana merasakan dirinya lebih hebat.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Pembaziran bermakna menggunakan sesuatu secara berlebihan sehingga berbaki dan dibuang. Secara lebih luas, pembaziran merangkumi, perbuatan menyalah guna sesuatu sumber secara zahir ataupun terselindung, dalam bentuk wang dan harta, begitu juga kesihatan, ilmu, sumber alam, kepakaran, bakat, masa, ruang, peluang, keamanan, dan kesejahteraan. Amalan tidak cermat ketika mengguna sumber-sumber di tempat kerja, seperti kertas, sampul surat, alat tulis dan alat pejabat, kenderaan, pendingin udara, elektrik dan air serta pelbagai lagi, juga merupakan pembaziran. Pembaziran juga bermaksud menggunakan sesuatu yang membawa mudarat sama ada kepada mental, fizikal, ekonomi, keselamatan mahupun alam kehidupan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mimbar pada hari ini memilih menyedarkan ummah kepada amalan pembaziran makanan. Allah SWT mengurniakan rezeki yang cukup kepada setiap insan yang dilahirkan di dunia ini seperti yang terkandung dalam ayat 6 surah Hud:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya: Dan tiada satupun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di atas bumi ini, melainkan semuanya telah dijamin rezekinya oleh Allah. Dia mengetahui tempat kediaman dan tempat penyimpanannya. Semua itu (tertulis) dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuz).

Perkara yang menjadi masalah ialah berlakunya pembaziran dan tidak berlakunya pengagihan rezeki secara adil berpandukan roh keinsanan dan rasa tanggungjawab melaksanakan fardu kifayah secara bersungguh untuk memastikan setiap insan terjamin mendapat makanan.

Dalam tahun 2020, seramai 690 juta orang manusia, bersamaan 9 peratus penduduk dunia, berada dalam kelaparan, sering kali, tidak pun berpeluang untuk mendapat makanan sekali dalam sehari; sementara 2.5 bilion orang manusia, menyamai satu pertiga penduduk dunia, berada dalam kedudukan separuh lapar. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan, setiap hari, dua puluh lima ribu (25,000) orang meninggal dunia akibat kelaparan, dan setiap 15 saat, seorang anak di bawah usia 5 tahun, mati kerana lapar atau tidak mempunyai cukup bahan makanan yang diperlukan.



Ketika begitu ramai penduduk di serata dunia menghadapi kelaparan, dilaporkan setiap hari di Malaysia, 15,000 metrik tan makanan dibuang; tiga ribu (3,000) metrik tan daripada makanan yang dibuang itu, masih dalam keadaan baik yang boleh dimakan. Lebih menyedihkan, perbuatan membuang makanan meningkat lebih tinggi dalam bulan Ramadan. Data turut menunjukkan, lebih enam ratus tiga puluh lima ribu (635,000) metrik tan makanan dibuang pada setiap bulan Ramadan; dua ratus tujuh puluh ribu (270,000) metrik tan daripada makanan yang dibuang itu belum diusik atau dijamah.

Sedarilah negara kita ketika ini berada dalam kedudukan belum dapat mengeluarkan bahan makanan secukupnya. Setiap tahun, lima puluh bilion ringgit bahan makanan perlu diimport dari luar negara. Harga bahan makanan akan terus meningkat mahal dalam keadaan bekalan makanan tidak dapat memenuhi permintaan. Apabila harga bahan makanan bertambah mahal, kumpulan yang menjadi mangsa ialah kalangan rakyat miskin dan rakyat berpendapatan rendah.

Sedarilah! ramai rakyat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan sejak berlakunya wabak Covid-19 dan sejak kerajaan terpaksa memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan. Ramai rakyat ketika ini yang menghadapi kesusahan untuk mendapatkan makanan asas harian. Ramai yang hanya cukup rezeki untuk makan sekali dalam sehari, dan ramai juga yang bergantung pada sumbangan makanan dari pelbagai pihak. Masih ramai rakyat di negara kita yang berada dalam kategori hidup kais pagi makan pagi. Lebih menyedihkan apabila kita membaca berita ada ibu yang ditangkap, kerana terpaksa mencuri bahan makanan dari pasar raya disebabkan anak di rumah sedang menangis kelaparan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dengan melihat amalan pembaziran yang banyak dilakukan, dan dengan keinsafan melihat penderitaan yang dialami oleh begitu ramai insan di dunia ini, mimbar menyeru para Jemaah agar:

**Pertama:** Menghindar diri daripada dipengaruhi rasukan syaitan untuk mengamalkan sifat bermegah-megah mahu mempamerkan kemewahan sama ada melalui cara memperagakan diri dan berpakaian, begitu juga ketika mengadakan jamuan hingga melakukan perbuatan membazir.

**Kedua:** Dalam kalangan insan yang Allah telah limpahkan rezeki yang lebih mewah, buktikan



sifat kesyukuran dengan kesediaan berkongsi kemewahan rezeki, dengan menghulurkan bantuan kepada mereka yang daif dan sangat memerlukan.

**Ketiga:** Tingkatkan rasa menghargai bahan makanan dengan berhenti membuang bahan makanan, bermula dengan mengambil langkah pertama, mengurangkan bilangan juadah yang tidak diperlukan di meja hidangan atau bermula dengan mengurangkan segenggam beras ketika menanak nasi pada malam ini.

**Keempat:** Setiap Jawatankuasa Kariah mengambil tanggungjawab fardu kifayah memastikan tidak ada anggota dalam kariah masing-masing yang hidup menderita kerana tiada makanan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْعَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin